

## Rasuah RM15 juta: Tiga individu ditahan

**PUTRAJAYA:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan tiga individu terdiri daripada pengarah syarikat kerana disyaki terlibat dalam penerimaan rasuah berjumlah kira-kira RM15 juta bagi mendapatkan projek pembinaan sebuah pengkalan di Pahang.

Menurut sumber, ketiga-tiga suspek lelaki berusia antara 40 hingga 50 tahun itu ditahan kira-kira pukul 8.30 malam kelmarin selepas hadir memberikan keterangan di ibu pejabat SPM, di sini.

Sumber berkata, suspek pertama dipercayai seorang pengarah syarikat yang melobi projek pembinaan tersebut, manakala dua lagi suspek yang juga pengarah syarikat berbeza disyaki meminta serta menerima rasuah yang k้อนnya untuk diserahkan kepada seorang bekas menteri.

Perintah reman selama tiga hari bermula Rabu hingga 17 Feb-



**SPRM menahan tiga individu terdiri daripada pengarah syarikat kerana disyaki terlibat dalam penerimaan rasuah berjumlah kira-kira RM15 juta di Mahkamah Majistret, Putrajaya, semalam.**

ruari dikeluarkan oleh Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin selepas SPRM membuat permohonan tersebut di Mahkamah Majis-

tret Putrajaya semalam.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Bakri ketika dihubungi mengesahkan

tangkapan tersebut dan berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 16 (a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.